

## Kolokium Penyelidikan UMP dan Sapura Industrial Berhad



Bangi, 17 Mac – Seramai 25 penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) menyertai Kolokium Penyelidikan Bersama Industri: UMP dan Sapura yang berlangsung di Sapura Industrial Berhad, Bandar Baru Bangi baru-baru ini.

Penganjuran kolokium penyelidikan ini mampu mengeratkan hubungan kerjasama di antara universiti dengan industri di samping meninjau prospek kolaborasi dalam bidang-bidang penyelidikan yang berpotensi melibatkan kedua-dua institusi ini.

Majlis dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Sapura Industrial Berhad, Helmi Sheikh Mahmood yang juga sebagai panel penasihat industri di FKP. Manakala ucapnama industri disampaikan oleh Pakar Kanan di Pusat Teknikal Sapura, Aminuddin Ghazali dengan tajuk berkaitan penyelidikan dan pembangunan.

Pensyarah UMP, Prof. Madya Dr. Ahmad Razlan Yusoff turut berkongsi kepakaran mengenai pembangunan mata alat manakala Dr Ahmad Nasser Mohd Rose dari Sapura menyampaikan pencerahan mengenai sistem pembuatan lean.

Dalam kolokium ini juga, seramai lima penyelidik UMP telah dilantik sebagai fellow penyelidik Sapura yang diketuai oleh Prof. Dr. Shamsuddin Baharin. Empat lagi penyelidik terdiri daripada Prof. Dr. Wan Azhar Man Yusoff, Prof. Madya Dr. Ahmad Razlan Yusoff, Dr. Fadhlur Rahman Mohd Romlay dan seorang pelajar pasca siswazah Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Nur Iffah Ramli.



Menerusi pelantikan ini dapat merealisasikan dan merencanakan lagi pencapaian perancangan strategik UMP 2016-2020 untuk pembangunan staf yang kompeten dan profesional. Selain daripada perbincangan dua hala, penyelidik UMP yang terdiri daripada pelajar ijazah kedoktoran dan sarjana juga dapat melihat secara praktikal operasi pemesanan alatan automotif yang dijalankan di syarikat Sapura Industrial Berhad.

Menurut salah seorang Pensyarah FKM merangkap Fellow penyelidik, Dr. Fadhlur Rahman Mohd Romlay, sebanyak empat bidang dikenalpasti untuk dibangunkan bersama UMP terdiri daripada pembangunan produk baru untuk dikomersial oleh Sapura, proses pemesanan, sistem pembuatan dan pendidikan sepanjang hayat membabitkan staf Sapura.

Sejak 2009, perjanjian kerjasama telah dibuat bagi membolehkan projek pembangunan modul absorber pasif dijalankan dan juga pengujian sistem suspensi di buat di UMP.

"Kini terdapat dalam kalangan staf Sapura menjadi pelajar ijazah penyelidikan UMP dan juga penyelidik UMP menjalani penempatan industri di sini yang dapat memberi peluang pembangunan staf di samping menempatkan pelajar UMP yang menjalani latihan industri, projek tahun akhir dan akhirnya ditawarkan pekerjaan di Sapura," katanya.

Begitu juga dengan pembangunan sumber manusia pekerja mahir dan separuh telah dijalankan antara Sapura dan UMP bagi pembangunan projek pusat kecemerlangan industri (I-COE) untuk sektor kejuruteraan automotif. Beliau mengharapkan kelebihan dan kepakaran yang dimiliki oleh kedua-dua institusi ini berupaya untuk digembeling dan dimanfaatkan untuk kedua-dua pihak UMP dan Sapura Industrial.

**Berita disediakan oleh Zuryaty Zol dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat.**

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 23-03-2016, 16:00:20